

NO. SOALAN: 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI BT SHAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

RUJUKAN : 6934

SOALAN:

Puan Mas Ermieyati bt Shamsudin (Masjid Tanah) minta MENTERI DALAM NEGERI apakah usaha dilakukan oleh kementerian agar dapat membasmi para pelajar tidak terpengaruh dengan gejala penyalahgunaan dadah memandangkan penggunaan dadah sintetik di dalam kalangan pelajar kian meningkat seiring dengan budaya barat yang kian menular di dalam negara.

JAWAPAN:

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius isu penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar sekolah. Kementerian melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah melaksanakan Strategi Pendidikan Pencegahan yang bermatlamat membendung pelajar yang mempunyai masalah dadah daripada terus terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan memastikan pelajar yang berisiko tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Modul program “Sayangi Hidup, Elak Derita Selamanya” (SHIELDS) di peringkat sekolah menengah telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri pelajar yang berada dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun.

AADK turut mengadakan ujian air kencing secara rambang di sekolah-sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Intervensi awal akan disediakan terhadap pelajar yang berisiko dan positif dadah dan disusuli dengan program SHIELDS serta pemantauan.

Objektif program ini adalah mengenalpasti pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah, meningkatkan kesedaran serta pengetahuan mengenai bahaya dadah dan kesannya, memupuk sikap dan amalan yang baik serta mengamalkan gaya hidup sihat serta memperkasakan keupayaan dan komitmen sekolah dan keluarga dalam membimbing pelajar mengatasi masalah berkaitan dadah.

Dari bulan Januari hingga Mei 2014, seramai 292 orang pelajar dari 81 buah sekolah telah menyertai Program SHIELDS. Manakala pada tahun 2013, sebanyak 116 program SHIELDS telah dilaksanakan melibatkan 4,706 orang peserta. Program ini mendapat kerjasama penuh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Program kesedaran awam telah dilaksanakan di sekolah-sekolah di seluruh negara melalui pameran bergerak dengan menggunakan 2 unit bas pameran. Dari bulan Januari hingga April 2014, sebanyak 67 pameran telah kepada pelajar di seluruh negara. Di samping itu, AADK juga turut aktif membuat promosi dan kesedaran mengenai bahaya dadah melalui media baru seperti *facebook* SKUAD 1Malaysia, *facebook* RADA, *Twitter* SKUAD 1Malaysia, *nodrugplease.blogspot.com* dan laman Interaktif Antidadah.

Kempen “Ambil Kisah, Ambil Tindakan” telah dilaksanakan sejak tahun 2013. Sebanyak tujuh (7) episod Kisah Mia dan Adam telah diterbitkan dan ditayangkan melalui televisyen dan media sosial. Pelajar sekolah dan masyarakat juga boleh mendapatkan maklumat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah sintetik dan lain-lain dadah konvensional menerusi lawan web *wecareweserve.org*.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]

SOALAN :

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir di kawasan-kawasan yang sering mengalami masalah banjir.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengurangkan masalah banjir, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), telah mengamalkan pengurusan banjir secara holistik dan bersepada dengan menggunakan pakai kedua-dua kaedah struktur dan bukan struktur dalam mengurangkan risiko banjir dan kesan negatif banjir di seluruh negara.

Kaedah struktur memberi penumpuan kepada kerja-kerja kejuruteraan seperti pembinaan empangan, kolam takungan, benteng sungai, lencongan sungai, mendalam dan melebarkan sungai dan menyediakan sistem pam. Di antara kaedah struktur yang utama ialah melalui pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang dilaksanakan secara berterusan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sebanyak 163 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) telah dilaksanakan di seluruh negara. Antaranya termasuklah projek *Stormwater Management and Road Tunnel* (SMART) bagi mengurangkan masalah banjir di bandaraya Kuala Lumpur. Dalam RMKe-10 (2011-2013) sebanyak 121 projek tebatan banjir telah siap dilaksanakan manakala dalam tahun 2014 sebanyak 25 projek, yang terdiri daripada projek-projek sambungan dan baru sedang dilaksanakan. Antara projek-projek utama yang dalam pelaksanaan adalah RTB Lembangan Sungai Kerian, RTB Segamat di Johor dan RTB Perlis.

Kaedah bukan struktur pula merupakan langkah-langkah pengurusan dan kesedaran awam seperti pengurusan bersepadu untuk sumber air, lembangan sungai, pantai dan banjir, penyediaan dan peningkatan sistem ramalan dan amaran banjir, penyediaan peta banjir dan garis panduan.

Pendekatan dan usaha yang dilaksanakan ini telah berjaya mengurangkan impak akibat bencana banjir walaupun tidak dapat menyelesaikan masalah banjir secara keseluruhan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat memandang serius teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara. Bermula dengan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 yang dibentangkan pada tahun 2013, Kerajaan telah dan akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- a. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat teguran melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas;
- b. mengambil tindakan tatatertib, surcraj atau pertuduhan jenayah di mahkamah ke atas pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaian;
- c. memaklumkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara secara berkala kepada Ketua-ketua Jabatan melalui Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan dan Mesyuarat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Dengan Ketua Setiausaha dan Setiausaha Kerajaan Negeri; dan
- d. memaparkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara dalam laman web Jabatan Perkhidmatan Awam.

Berdasarkan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012, **seorang pegawai telah dituduh di mahkamah**. Bagi kes salah laku dan kecuaian yang melibatkan urusan tatatertib bagi Laporan Ketua Audit Negara 2012, sehingga 6 Jun 2014, Lembaga Tatatertib berkenaan telah memutuskan **67 pegawai didapati bersalah** dan 10 pegawai didapati tidak bersalah. Hukuman yang dijatuhkan terhadap 67 pegawai yang didapati bersalah adalah seperti berikut:

Bilangan Pegawai	Hukuman
1	Buang Kerja
41	Surcaj
33	Amaran
2	Denda
1	Tangguh Pergerakan Gaji
1	Amaran dan Tangguh Pergerakan Gaji

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (89)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah status dan keberkesanan inisiatif Kerajaan dalam mengurangkan harga rumah dan memastikan rumah-rumah baru dijual pada harga mampu milik.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya harga rumah ditentukan oleh faktor *market forces* atau penawaran dan permintaan, sejajar dengan ekonomi bebas dan bagi menggalakkan pertumbuhan industri perumahan di negara ini. Selain itu, harga rumah turut dipengaruhi oleh kos bahan binaan, kos buruh, faktor lokasi, fasiliti yang disediakan termasuk faktor permintaan dan penawaran.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi menangani masalah spekulasi dan dijangka usaha-usaha ini akan dapat menstabilkan harga harta tanah seperti berikut :

- i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- ii) Meningkatkan harga jualan minimum harta tanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM 1 juta;

- iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan harta tanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang diberikan kepada pembeli; dan
- iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *Developer Interest Bearing Scheme (DIBS)*.

Kerajaan akan memantau mekanisme ini secara berterusan dan sekiranya perlu langkah kawalan tambahan akan diperkenalkan dari semasa ke semasa.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014